

04 MAR 2004

Pilihan raya-Mesyuarat

DEWAN TERTINGGI BN, MT UMNO BERMESYUARAT BINCANG PILIHAN RAYA

KUALA LUMPUR, 4 Mac (Bernama) -- Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) dan Majlis Tertinggi Umno bermesyuarat di Menara Dato Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra di sini petang ini bagi membincangkan persiapan menghadapi pilihan raya umum ke-11.

Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang juga Pengerusi BN dan Pemangku Presiden Umno, mempengerusikan kedua-dua mesyuarat itu yang dijangka memperakui manifesto pilihan raya BN.

Mesyuarat BN bermula pukul 3 petang dan akan diikuti mesyuarat Majlis Tertinggi Umno pada pukul 4.30 petang.

Parlimen secara rasminya dibubarkan hari ini untuk membolehkan pilihan raya umum diadakan dalam tempoh 60 hari.

Dalam satu kenyataan ringkasnya semalam, Abdullah mengumumkan bahawa Yang di-Pertuan Agong berkenan menandatangani perisytiharan pembubaran Parlimen bagi membolehkan pilihan raya umum ke-11 diadakan.

Semua Dewan Undangan Negeri kecuali Sarawak juga secara rasminya dibubarkan bagi membolehkan pilihan raya negeri diadakan serentak. Sarawak mengadakan pilihan raya negeri pada 2001 dan penggal kerajaan negeri itu hanya akan berakhir pada 2006.

Abdullah, yang akan mengetuai BN buat pertama kali dalam pilihan raya sejak mengambil alih pucuk pimpinan daripada Tun Dr Mahathir Mohamad pada 31 Okt lepas, telahpun menyatakan keyakinannya bahawa BN akan memperolehi kejayaan lebih daripada dua pertiga.

Sebanyak 219 kerusi Parlimen dan 505 kerusi DUN di semua negeri kecuali Sarawak dipertandingkan pada pilihan raya umum kali ini.

Pada pilihan raya umum 1999, BN memenangi 152 daripada 193 kerusi Parlimen yang dipertandingkan dan 280 daripada 394 kerusi dewan undangan negeri.

Pertambahan 26 kerusi Parlimen pada kali ini adalah hasil persempadanan

semula kawasan pilihan raya oleh SPR pada tahun lepas serta kerusi baru

Putrajaya ekoran penubuhannya sebagai wilayah persekutuan.

-- BERNAMA

AZZ AZZ KHY RON